



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 20 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	OVER 100,000 TRAVEL PERMITS TO ENSURE ENOUGH FOOD SUPPLY, NEWS, TAMIL	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MALAR-5 FARMERS, STUDENT BENEFITS FROM FOOD BASKET DISTRIBUTION PROGRAMME, NEWS, SIN CHEW DAILY-3	
3.	LEMBU KORBAN DI PERAK BEBAS JANGKITAN LSD, DALAM NEGERI, UM- 26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	169 COWS INFECTED WITH LSD-CHE ABDULLAH, NEWS, CHINA PRESS-C6	
5.	LEMBU KORBAN DI PERAK SELAMAT, BEBAS LSD, BH-ONLINE	
6.	LEMBU KORBAN DI PERAK BEBAS JANGKITAN LSD, BULETIN PAGI-TV3	
7.	JAMIN LEMBU KORBAN BEBAS PENYAKIT LSD, LOKAL, HM-10	
8.	MAFI WASPADA TANGANI JANGKITAN LSD KE ATAS LEMBU TEMPATAN – CHE ABDULLAH, UTUSAN BORNEO-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	FAMA KECUALIKAN SEWA TAPAK PASAR TANI, UTUSAN BORNEO-ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	IKAN SEGAR UNTUK PETUGAS PPV, BERITA NASIONAL- TV RTM	LEMBAGA KEMAJUAN PERIKANAN MALAYSIA (LKIM)
11.	MAG SASAR PENGELUARAN 20,000 TAN UDANG SETAHUN, NEGARA, KOSMO-31	LAIN - LAIN
12.	PENTERNAK RUGI IBADAH KORBAN DIANJUR DI LUAR NEGARA, DALAM NEGERI,UM-13	
13.	NELAYAN ASING ROMPAK HASIL LAUT NEGARA, DALAM NEGERI, UM-11	
14.	NELAYAN VIETNAM TIDAK PERNAH SERIK, DALAM NEGERI, UM-11	
15.	PENTERNAK RUGI SOP MENGLIRUKAN, DALAM NEGERI, UM-12	
16.	DAGING BANDAR LARIS,LOKAL, HM-10	
17.	BUSINESSSES CAN OPERATE UNTIL 10 PM IN PHASE 2, WEST MALAYSIA, SEE HUA DAILY-2	
18.	SOP NEGERI FASA1,2 DIUBAH, NASIONAL, BH-5	
19.	LANJUT OPERASI PASAR PAGI, HARIAN, ANTARA PERUBAHAN SOP PELAN PEMULIHAN, SELANGOR KINI-ONLINE	
20.	POSITIF VAKSINASI : PERUBAHAN SOP DI BAWAH FASA SATU, DUA PPN, HAKAH DAILY-ONLINE	
21.	TPM UMUM PERUBAHAN SOP DI BAWAH FASA 1, 2 PPN, GETARAN.MY-ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



20 JUL, 2021

Over 100,000 travel permits to ensure enough food supply

Tamil Malar, Malaysia

Page 1 of 2

உணவு விநியோகத்திற்காக மீனவர்களுக்கும் விவசாயிகளுக்கும் பயண அனுமதிக் கடிதம் வழங்கப்படும்

கோலாலம்பூர், ஜூலை 20-
தற்போதைய நடமாட்டக் கட்டுப்பாடு ஆணை மற்றும் தேசிய மீட்சிக் காலத்தில் நாட்டில் மக்களுக்கு போதுமான உணவு விநியோகம் இருப்பதை உறுதிப்படுத்துவதற்கு மீனவர்கள், விவசாயிகள் மற்றும் கால்நடை வளர்ப்பவர்களுக்கு 100,000த்திற்கும் மேற்பட்ட பயண பெர்மிட்டுகள் வழங்கப்பட்டுள்ளது. விவசாய மற்றும் உணவு தொழில்துறை அமைச்சர் டாக்டர் ரோனால்ட் கியாண்டி இதனைத் தெரிவித்தார்.



பயணங்களுக்கு அனுமதி வழங்கப்பட்டவர்கள் நாடு முழுவதிலும் பயணம் செய்ய முடியும் என்பதோடு கோவிட் தொற்று பரவாமல் இருப்பதற்கு ஞடரு விதிமுறைகளை பின்பற்றும்படியும் கேட்டுக்கொள்ளப்பட்டதாக அவர்

கூறினார். மேலும் நாட்டின் தேவைக்கு ஏற்ப மீன் உட்பட அனைத்து உணவுப் பொருட்களின் விநியோகம் இருப்பதாகவும் ரோனால்ட் கியாண்டி கூறினார்.





20 JUL, 2021

Over 100,000 travel permits to ensure enough food supply

Tamil Malar, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

உணவு விநியயோகர்நிற்காக மீனவர்களுக்கும் விவராயிகளுக்கும் : பயண அனுமதிக் கடாகும்
கோலாலம்புர் , ஜூலை 20- தற்போதைய நடமாட்டக் கட்டுப்பாடு ஆணை மற்றும் தசீய மீட்சிக் காலத்தில் நாட்டில்
மக்களுக்கு போதுமான உணவு விநியயோகம் இருப்பதை உறுதிப்படுத்துவதற்கு மீனவர்கள் , விவசாயிகள் மற்றும்
கால்நடை வளர்ப்பவர்களுக்கு 100,000த்திற்கும் மேற்பட்ட பயண பர்மிட்டுகள் வழங்கப்பட்டுள்ளது. விவசாய மற்றும்
உணவு தொழில்துறை அமைச்சர் டாக்டர் ரோனால்ட் கியாண்டி இதனைத் தெரிவித்தார் .
பயணங்களுக்கு த வதி வழங்கப்பட்டவர்கள் நாடு முழு



20 JUL, 2021

Farmer, student benefits from food basket distribution programme

Sin Chew Daily (Melaka), Malaysia

Page 1 of 2

【马六甲19日讯】农业及食品工业部副部长拿督阿末查派日前分发该部的食物篮给野新两个地区。分发农业部的物资给农民及野新是木久玛拉工艺大学的学生，以减轻他们的生活负担，尤其是受到疫情影响的人。

有关派发食物篮活动在遵守国家安全理事会规定的标准作业程序（SOP）下进行。通过马六甲农民组织（LPP），移交给野新农民组织代表阿末查派。野新是木久玛拉工艺大学学

阿末查派食物籃 農民大學生受惠

生代表。在野新农民组织负责人、拿督巴当农民组织负责人、双溪南顺（A）农民组织负责人代表。

当天所派发的400份食物篮包括日常用品，如白米、油、面粉、糖及牛奶等。共分发给189名农民，11名野新农民组织成

员。200名野新农民组织成员，至于60名因为受到疫情影响而留在野新是木久玛拉工艺大学的学生，将通过该大学的食堂享用鸡肉之粥的美食。

出席者包括农民组织局总局长阿末查派、副总长诺查及里州农民组织局局长阿末博安。



予农民组织局的代表与拿督查派一同分发食物篮。



20 JUL, 2021

Farmer, student benefits from food basket distribution programme

Sin Chew Daily (Melaka), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

(马六甲19日讯) 农业及

食品工业部副部长拿督斯里阿末韩查昨日分发该部的食物篮给野新两个地区，分发农业部的物资给农民及野新瑟木久玛拉T_艺大³的学生，以减轻他们的生活负担，尤其是受到冠病疫情影响的人士-有关派发食物篮活动在遵守国家安全理事会拟定的标准作业程序 (SOP) 下进行，通过马六甲农民组织局 (LPP)，移交给野新农民组织代表阿末巴哈鲁丁、野新瑟木久玛拉工艺大学学阿末韩查派食物篮



20 JUL, 2021

Lembu korban di Perak bebas jangkitan LSD

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Lembu korban di Perak bebas jangkitan LSD

BAGAN SERAI: Umat Islam di negeri ini tidak perlu gusar tentang kesihatan lembu korban sempena Hari Raya Aidiladha kerana haiwat ternakan itu bebas jangkitan penyakit kulit kental (LSD).

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Bekalan Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, semua lembu yang dipindahkan dari ladang ternakan kepada pihak yang mahu mengadakan majlis korban, terlebih dahulu diperiksa oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum diedarkan.

Menurut beliau, ini bermakna tiada lembu korban berisiko dijangkiti wabak LSD.

"JPV tidak sewenang-wenangnya membenarkan lembu dijangkiti LSD dijual atau dipindahkan ke



ANTARA lembu untuk ibadah korban yang akan dilaksanakan hari ini di Surau Al-Faizlin Taman Serai Permai di Bagan Serai. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

tempat lain untuk tujuan korban.

"Surau dan masjid di negeri ini sama sekali tidak akan mene-

rima lembu korban yang mereka terima tanpa surat pengesahan JPV," katanya selepas melawat

Pasar Segar Terkawal (PST) di sini semalam.

Menurut Razman, malah ada

surau dan masjid di Bagan Serai yang enggan menerima lembu yang dihantar ke tempat mereka gara-gara pemandu lori terlupa untuk membawa dan mengemukakan surat pengesahan JPV semasa membuat penghantaran haiwan tersebut.

"Ini menunjukkan masyarakat cakna tentang perkara-perkara sebegini dan mengambil berat keadaan ternakan yang mahu dibuat korban," katanya.

Sementara itu, Razman berkata, Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Gunung Semangol menyediakan 17 ekor lembu untuk korban pada Aidiladha tahun ini.

Surau Al-Faizlin, Taman Serai Permai di sini pula akan menyem- belih 10 ekor lembu korban.



20 JUL, 2021

Lembu korban di Perak bebas jangkitan LSD

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BAGAN SERAI: Umat Islam di negeri ini tidak perlu gusar tentang kesihatan lembu korban sempena Hari Raya Aidiladha kerana haiwai ternakan itu bebas jangkitan penyakit kulit kental (LSD). Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Bekalan Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, semua lembu yang dipindahkan dari ladang ternakan kepada pihak yang mahu mengadakan majlis korban, terlebih dahulu diperiksa oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum diedarkan. Menurut beliau, ini bermakna tiada lembu korban berisiko dijangkiti wabak LSD.



20 JUL, 2021

Che Abdullah : 169 cows infected with LS

China Press (East Coast), Malaysia

Page 1 of 2

仄阿都拉：截至17日 169頭牛感染牛結節疹

（兰斗班让19日讯）农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉说，截至本月17日，全国各地共有16万8734头牛只被检测，当中有169头牛被发现感染牛结节疹疾病（LSD）。

“单是在吉兰丹，共有608个商家所拥有6092头牛被检测，其中14头牛确诊牛结节疹。”

他说，该部十分关注牛结节疹（LSD）问题，因此通过大马检疫及检验服务局，定时监督及检查国内各商家，以追踪受感染的牛只。

他昨日巡视兰斗班让检疫

及检验服务局后，如是指

提高邊界監督行動

另一方面，他也说在该局与警方及普通行动部队的联手防范国家边界走私活动下，目前共扣留59头牛只，其中15头牛疑似出现牛结节疹的症状。

“今年5月，从泰国进口至吉兰丹的235头牛中，有14头牛出现牛结节疹症状。”

他说，将会继续提高边界的监督行动，确保食物安全及疾病控制。



20 JUL, 2021

Che Abdullah : 169 cows infected with LS

China Press (East Coast), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

仄阿都拉：截至17日

169頭牛感染牛結節疹(兰斗班让19日讯) 农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉说，截至本月17日，全国各地共有16万8734头牛只被检测，当中有169头牛被发现感染牛结节疹疾病 (LSD)。“单是在吉兰丹，共有608个商家所拥有6092头牛被检测，其中4头牛确诊牛结节疹。”...他该部十分关注牛结节疹 (LSD) 问题，因此通过大马检疫及检验服务局，定时监督及检查

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	BERITA HARIAN	ONLINE	-

LEMBU KORBAN DI PERAK SELAMAT, BEBAS LSD

BAGAN SERAI: Kerajaan negeri memberi jaminan lembu yang akan dijadikan korban sempena hari raya Aidaladha esok, bebas daripada penyakit Lumpy Skin Disiase (LSD).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan, Razman Zakaria, berkata setiap lembu yang akan dijadikan korban akan dipantau dan diperiksa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum diedarkan.

Katanya, di Perak sehingga kini tiada lembu yang dikhaskan untuk ibadah korban, berisiko mengalami penyakit LSD.

"Berhubung laporan portal akhbar baru-baru ini, JPV Kedah menjangkakan kira-kira 17,000 lembu dan kerbau ternakan di negeri itu berisiko dijangkiti penyakit kulit kental berbonjol (LSD) namun di Perak tiada kes seperti itu dilaporkan.

"Berhubung kebimbangan orang ramai mengenai lembu yang berisiko dijangkiti penyakit LSD itu diedarkan ke negeri ini, JPV tidak sewenang-wenangnya membenarkan lembu yang dijangkiti dibawa masuk dan dijadikan korban.

"Setiap lembu yang dijadikan korban akan melalui pemeriksaan dan mempunyai surat daripada JPV manakala lembu yang mempunyai simptom penyakit LSD akan diasingkan dan dikuarantin," katanya ditemui media selepas mengadakan lawatan di Pasar Segar Terkawal (PST) di Dewan Surau Al Faizin, Taman Serai Permai, disini, hari ini.

Sementara itu, Razman menegaskan kewujudan PST yang dianjurkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya membantu nasib pengusaha produk pertanian memasarkan hasil tanaman mereka sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di samping dapat mengatasi masalah lambakan.

Beliau berkata, di Perak terdapat 11 lokasi PST dan purata jualan hasil jualan keseluruhan setiap bulan adalah hampir RM 500,000.

"Melihat sambutan yang menggalakkan, FAMA bercadang untuk menambahkan lagi PST seperti ini namun kekurangan premis kekal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	TV3	BULETIN PAGI	-

LEMBU KORBAN DI PERAK BEBAS JANGKITAN LSD





20 JUL, 2021

Jamin lembu korban bebas penyakit LSD

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Jamin lembu korban bebas penyakit LSD

Bagan Serai: Kerajaan negeri memberi jaminan lembu yang akan dijadikan korban sempena Hari Raya Aidiladha hari ini bebas penyakit kulit kental berhonjol (LSD).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Razman Zakaria berkata, setiap lembu yang akan dijadikan korban diperiksa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Menurutnya, setakat ini pihaknya tidak mengesan lembu yang dikhaskan untuk ibadah korban berisiko mengalami penyakit LSD.

"Orang ramai tidak perlu bimbang kerana JPV tidak sewenang-wenangnya membenarkan lembu yang dijangkiti penyakit itu dibawa masuk ke negeri ini untuk dijadikan korban.

"Hanya lembu yang melalui pemeriksaan dan mempunyai surat dari JPV dibenarkan manakala yang mempunyai simptom penyakit LSD akan diasingkan dan dikuarantin," katanya ditemui media selepas mengadakan

lawatan di Pasar Segar Terkawal (PST) di Dewan Surau Al Faizin, Taman Serai Permai di sini, semalam.

Katanya, baru-baru ini JPV Kedah menjangkakan kira-kira 17,000 lembu dan kerbau ternakan di negeri itu berisiko dijangkiti penyakit LSD namun di Perak tiada kes seperti itu dilaporkan.

Sementara itu, Razman menegaskan kewujudan PST yang dianjurkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) berjaya membantu nasib pengusaha produk pertanian memasarkan hasil tanaman sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disamping dapat mengatasi masalah lambakan.

Menurutnya di Perak terdapat 11 lokasi PST dan purata jualan hasil jualan keseluruhan setiap bulan adalah hampir RM 500,000.

"Melihat sambutan yang menggalakkan Fama bercadang untuk menambahkan lagi PST seperti ini namun kekurangan premis kekal," katanya.

“

**Hanya lembu
yang mempunyai
surat dari JPV
dibenarkan**

Razman



20 JUL, 2021

Jamin lembu korban bebas penyakit LSD

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bagan Serai: Kerajaan negeri memberi jaminan lembu yang akan dijadikan korban sempena Hari Raya Aidiladha hari ini bebas penyakit kulit kental berbonjol (LSD). Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Razman Zakaria berkata, setiap lembu yang akan dijadikan korban diperiksa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Menurutnya, setakat ini pihaknya tidak mengesan lembu yang dikhaskan untuk ibadah korban berisiko mengalami penyakit LSD.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	-

MAFI WASPADA TANGANI JANGKITAN LSD KE ATAS LEMBU TEMPATAN - CHE ABDULLAH



RANTAU PANJANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa berwaspada dan peka terhadap isu penularan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) atau kulit kental/berbonjol yang menjadi kegusaran penternak-penternak lembu di dalam negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawawi berkata kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

sentiasa memantau dan memeriksa premis-premis di seluruh negara bagi mengesan ternakan lembu yang dijangkiti.

Beliau berkata sehingga semalam, sebanyak 12,757 premis telah diperiksa melibatkan 168,734 ekor lembu dan daripada jumlah itu, sebanyak 169 ekor lembu dari 101 premis positif LSD.

"Bagi Kelantan sahaja sebanyak 608 premis telah diperiksa melibatkan 6,092 ekor lembu dan didapati 14 ekor lembu disahkan positif," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja di Stesen Kuarantin MAQIS Rantau Panjang di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata di Stesen Kuarantin MAQIS Rantau Panjang, terdapat 59 ekor lembu yang ditahan hasil usaha sama MAQIS bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) yang sentiasa komited dalam mengekang aktiviti penyeludupan di sepanjang sempadan negara.

Katanya, secara keseluruhannya lima daripada 59 ekor lembu yang ditahan tersebut disyaki terdapat tanda-tanda klinikal LSD.

"Pada Mei lepas, difahamkan MAQIS Kelantan turut mengesan dan mengesyaki terdapat 14 daripada 235 ekor lembu yang diimport dari Thailand mempunyai tanda-tanda penyakit LSD semasa dalam tempoh kuarantin.

"MAQIS juga telah membuat pemantauan rapi ke atas kesemua lembu tersebut dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mengawal serta mengelak penyakit tersebut daripada terus merebak dan menjejaskan industri ternakan lembu khususnya di Kelantan," katanya.

Che Abdullah berkata MAFI melalui MAQIS akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya yang boleh mengancam industri pertanian serta penternakan negara dapat dibendung serta dikawal. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	-

FAMA KECUALIKAN SEWA TAPAK PASAR TANI



JASIN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memberikan pelepasan pembayaran sewa tapak kepada usahawan pasar tani di seluruh negara susulan operasinya tidak dapat dijalankan semasa Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata menerusi inisiatif itu ia akan memberi manfaat kepada seramai 13,181 usahawan tani di 312 lokasi di Malaysia bagi mengurangkan beban mereka dalam tempoh

mencabar ketika ini.

"Bagaimanapun beberapa negeri yang berada di kategori Fasa Dua PPN, mereka akan dibenarkan kembali menjalankan perniagaan di pasar tani dengan kadar sewa seperti biasa.

"Namun sewa tapak yang dikenakan sebelum ini juga adalah sangat rendah dan berpatutan iaitu antara RM5 hingga RM7 di setiap lokasi bagi membayar kos permit dan penyelenggaraan kepada pihak berkuasa tempatan," katanya kepada pemberita di Rim di sini hari ini.

Terdahulu beliau mengiringi Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di sekitar daerah Jasin.

Zainal berkata daripada keseluruhan 312 tapak pasar tani di seluruh negara hanya 12 pasar tani yang dibenarkan beroperasi selepas negeri-negeri tertentu beralih ke Fasa Dua PPN.

Sementara itu katanya bagi memastikan kelangsungan rantai bekalan serta pemasaran makanan, FAMA juga telah mewujudkan 55 Pasar Segar Terkawal (PST) yang melibatkan 2,241 usahawan tani di seluruh negara.

Katanya kewujudan PST telah memberi ruang kepada usahawan tani untuk terus menjana pendapatan dengan sebanyak RM57.95 juta nilai jualan direkodkan sepanjang tempoh 1 Jun hingga 15 Julai lepas. - **BERNAMA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	RTM TV	BERITA NASIONAL	-

IKAN SEGAR UNTUK PETUGAS PPV



MAG sasar pengeluaran 20,000 tan udang setahun

PETALING JAYA - MAG Holdings Bhd. (MAG) terus mengintai peluang membeli ladang ternakan udang baharu, sehubungan pengambilalihan North Cube Sdn. Bhd. (NCUBE) baru-baru ini yang telah mengukuhkan kedudukan Kumpulan sebagai salah satu daripada tiga pemain utama dalam industri akuakultur negara.

Selepas pengambilalihan tersebut, MAG memiliki kapasiti pembiakan 4,000 tan udang putih setahun dengan 235 kolam ternakan udang.

MAG bercadang untuk meningkatkan kapasitinya kepada 20,000 tan setahun dalam tempoh lima tahun akan datang dengan membeli lebih banyak ladang ternakan di Sabah, seterusnya meningkatkan penguasaan pasarnya di Malaysia kepada sekitar 35 peratus.

Buat masa ini, kapasiti pembiakan udang di Malaysia dianggarkan kira-kira 40,000 tan setahun.

Pengerusi Eksekutif MAG, Ng Min Lin berkata, pandemik telah

main kecil tempatan. "Meraka terus terkesan sejak pandemik dan ini memberikan kami kelebihan.

"Kami berhasrat untuk mendapatkan pasaran yang terbuka luas dan meningkatkan lagi penguasaan pasaran di sini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Industri ternakan udang di Malaysia mewakili 24.8 peratus daripada jumlah pengeluaran akuakultur negara dan menyumbang 41.3 peratus daripada nilai pengeluaran pada 2019.

Menuju ke hadapan, industri ini diunjurkan akan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkompoun sebanyak 11.9 peratus, daripada RM1.13 bilion pada 2020 kepada RM1.99 bilion pada 2025.

Menurut Min Lin, pihaknya menjangkakan pasaran eksport akan terus menjadi pemacu utama perniagaannya, dengan memanfaatkan nilai dolar Amerika Syarikat yang kukuh dan mengisikan kekurangan bekalan ke Korea Selatan, Australia serta China.



UDANG putih yang mendapat permintaan tinggi di pasaran.

makna sukar bagi mereka untuk memenuhi tawaran eksport.

"Ketika kami menerima banyak pertanyaan untuk eksport, masalah sama turut dihadapi pe-



PEMANDANGAN dari udara kolam udang milik kumpulan di Sabah.

mencipta vakum bekalan udang laten.

"Pengeluar di negara ini disebabkan gangguan rantaian berdepan gangguan daripada ekonomi seperti di Indonesia, da segi logistik dan bekalan, India, Ecuador dan Amerika Se-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Penternak rugi ibadah korban dianjurkan di luar negara

PADANG TERAP: Program ibadah korban secara besar-besaran di luar negara yang dianjurkan pelbagai pihak pada sambutan Hari Raya Aidiladha menyebabkan jualan haiwan ternakan tempatan terjejas tahun ini.

Seorang penternak lembu dan kambing, Abdul Hadi Yusoff, 36, dari Kuala Nerang di sini berkata, ramai umat Islam di negara ini didapati semakin berminat menyertai ibadah korban di luar negara berbanding negara sendiri.

Katanya, dia mendapati penganjur program tersebut mengadakan promosi besar-besaran termasuk menggunakan ikon dan personaliti dalam kalangan penceramah agama yang terkenal untuk menarik perhatian umat Islam di negara ini.

Katanya, pihak penganjur juga menawarkan pakej yang lebih murah antara RM250 hingga RM400 sahaja untuk satu bahagian lembu korban berbanding di Malaysia berharga RM750 hingga RM800 satu bahagian.

"Saya difahamkan program berkenaan mendapat sambutan yang hebat dan meraih kutipan jutaan ringgit," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Abdul Hadi yang juga merupakan pemilik Tenang Agro Farm di Kampung Semeliang, Kuala Nerang di sini berkata, pihak berwajib sepatutnya mengadakan ibadah korban di negara ini dan daging tersebut boleh diagihkan kepada orang ramai yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pada masa ini, ramai penduduk dilaporkan tidak cukup makan selepas mereka hilang pekerjaan berikutan PKP," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kekurangan jualan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing untuk ibadah korban tahun ini disebabkan PKP dan prosedur operasi standard (SOP) aktiviti korban lebih ketat pada tahun ini.

20.07.2021

UTUSAN MALAYSIA

DALAM
NEGERI

11

Nelayan asing rompak hasil laut negara

Oleh TOREK SULONG dan
YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamail.com.my

KOTA BHARU: Menggunakan bot klon tempatan, memasing lajur Gemilang dan menggerak badan bot sama dengan warna bot nelayan tempatan antara taktik nelayan asing mengaburi mata pasukan keselamatan untuk mengaut rezeki di negara ini.

Nelayan asing terutama Vietnam itu juga sanggup menghuni laur bergelora musim tengkujuh semata-mata untuk terus merompak hasil laut negara kerana beranggapan pihak berkuasa sukar menghidu kegiatan mereka ketika itu.

Namun, mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan, Kepten Maritim Muhd. Nur Syam Asnawie Yaakub berkata, tanggapan nelayan asing terasas terasas kerana pihaknya tidak pernah 'jela' menjaga kedaulatan perairan negara.

Menurut beliau, sejak 2019 hingga bulan lalu, sebanyak 7,028 pemeriksaan dilakukan Maritim Malaysia Kelantan ke atas bot nelayan warga asing dan tempatan di seluruh perairan negeri ini.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak 14 bot asing dan 12 bot tempatan ditahan bersama 56 nelayan Vietnam, 15 nelayan Thailand, tiga nelayan Myanmar, empat nelayan Kemboja dan tiga nelayan tempatan atas pelbagai kesalahan.

"Dalam tempoh lima bulan



PEMERIKSAAN ke atas sebuah bot nelayan Vietnam yang ditahan Maritim Malaysia Kelantan, baru-baru ini. — UTUSAN/TOREK SULONG

pertama tahun ini, sebanyak 11 bot asing dan sebuah bot tempatan ditahan bersama 56 nelayan Vietnam, lima nelayan Thailand, empat nelayan Kemboja dan dua nelayan bot tempatan," katanya di sini, baru-baru ini.

Muhd. Nur Syam berkata, di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985, pemilik bot atau tekong asing bot tidak didenda sehingga RM6 juta manakala awak-awak setiap seorang bagi kesalahan mencaraboh perairan negara.

Katanya, pencerobahan bot nelayan asing di perairan Kelantan masih terkawal dengan pelaksanaan Op Naga Barat oleh Maritim Malaysia bersama pasukan penguat kuasa lain sejak 2 Mei 2019.

Menurut beliau, pencerobahan kini terus berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dimulakan sejak Mac tahun lepas.

"Sepanjang PKP ini, kita mengambil langkah pengurusan dan merosakkan perala-

tan menangkap ikan milik nelayan asing. Ini dilakukan bagi mengelakkan jangkitan import Covid-19," jelas beliau.

Begaimanapun, kata beliau, pada 24 Jun tahun lalu, arahan pengurusan ditamatkan semula dan pihaknya dibenarkan menangkap mereka dikuatkuasakan.

"Dalam masa sama, Op Kuda Laut diperkenalkan sebagai langkah aktif membanteras kemiskinan bot nelayan asing ke perairan negara khususnya Pantai Timur," katanya.

Nelayan Vietnam tidak pernah serik

KUALA TERENGGANU: Nelayan Vietnam tidak pernah serik walaupun ada segelintirnya sudah berkali-kali ditahan pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan dikenakan hukuman setimpal oleh Kerajaan Malaysia.

Pengarah Maritim Malaysia Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Sufi Ramli berkata, golongan itu tidak akan berhenti menangkap ikan secara haram dan tidak terkawal di luar perairan kerana ketandusan sumber perikanan di tanah air sendiri.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, katanya, kekayaan hasil laut Malaysia menjadi faktor menarik nelayan asing itu ke negara ini bagi meraih pendapatan lumayan dan situasi sama turut dihadapi Thailand.

"Vietnam adalah pengeksport hasil laut utama Asia dan jumlah nelayan mereka terlalu ramai dengan 100,000 bot didaftarkan untuk menangkap ikan, jadi mereka sentiasa meneroka perairan negara jiran tanpa serik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Penternak rugi SOP mengelirukan

KOTA BHARU: Prosedur operasi standard (SOP) ibadat korban di Kelantan dikatakan mengelirukan pelbagai pihak, dengan rata-rata penternak berdepan kerugian selepas terdapat pelanggan membatalkan tempahan lembu pada saat-saat akhir.

Antara yang mendakwa menjadi mangsa, Mohd. Razali Jusoh, 58, penternak dari Kampung Bechah Keranji, Peringat, di sini yang mengalami kerugian sehingga RM4,500 kerana seekor daripada tiga lembu miliknya tidak jadi dijual.

Meluahkan rasa terkilan kepada *Utusan Malaysia*, Mohd. Razali, 58, berkata, ketika Hari Raya Aidiladha semakin dekat, SOP terkini berkaitan ibadat korban belum diumumkan sedangkan ketiga-tiga lembu sudah ada pembeli.

"Dua minggu lalu, barulah SOP keluar mengatakan korban hanya boleh dilakukan di rumah sembelihan veterinar atau di masjid bandar, jajahan dan mukim manakala korban persendirian bersama keluarga tidak dibenarkan.

"Jadi, salah seorang pelanggan tolak semula lembu kepada saya dengan alasan tidak dapat teruskan rancangan buat korban secara persendirian. Walaupun kecewa, saya terpaksa terima balik lembu tersebut," katanya semalam.

Bercerita lanjut, Mohd. Razali memberitahu, pelanggan terbabit menghubunginya sekali lagi kerana mahu membeli semula lembu selepas mendapat khabar kerajaan sudah membenarkan korban dilakukan secara persendirian di rumah.

"Saya rasa dia dengar berita palsu atau keliru dengan SOP sebenar dan enggan jual lembu saya kepadanya. Saya mohon kerajaan tetapkan SOP yang betul-betul dan tolong uar-urkan secara meluas kepada rakyat supaya kami tidak keliru," katanya.

'DAGING BANDAR' LARIS

Penjual daging di Lembah Klang terima rezeki berganda sempena Aidiladha

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suasana sambutan Aidiladha memberi rezeki berganda buat penjual daging di Lembah Klang berikutan jualan mereka mendapat permintaan menggalakkan daripada orang ramai yang tidak dapat pulang ke kampung.

Penjual daging di AU4, Lembah Keramat, Mohd Afiff Isa, 33, berkata, dia yang sudah tujuh tahun menjual daging bersyukur kerana sambutan diterima tahun ini sangat menggalakkan walaupun dalam suasana Kawalan Pergerakan (PKP).

"Seawal pagi, lima lembu yang disembelih sudah habis dijual, begitu juga 1,500 ayam mentah.

"Walaupun tidak dapat pulang ke kampung, kebanyakan warga kota tidak melepaskan peluang untuk merayakan Aidiladha dalam suasana PKP.

"Jika sebelum ini, ramai warga kota akan pulang ke kampung menyebabkan jualan daging kurang mendapat sambutan kerana mereka boleh mendapatkan bahan mentah itu di kampung masing-masing," katanya ketika ditemui semalam.

Mohd Afiff berkata, dalam rezeki yang diterimanya, tersebut juga rezeki buat mereka yang kurang bernasib baik apabila kehilangan kerja.

"Saya mempunyai 20 pekerja sekarang, kebanyakan mereka adalah yang dibuang kerja dan memerlukan pendapatan menyara keluarga.

"Disebabkan itu, saya mempelbagaikan perniagaan seperti mengambil upah melapah daging, menjualnya dan juga membekalkan lembu untuk dikorbankan," katanya.

Bagaimanapun, lain pula yang terjadi dengan penjual daging di Pasar Keramat, Suhaily Shukor yang keluarganya turun temurun menjual bahan mentah itu sejak 40 tahun lalu apabila sambutan



KEDAI Mohd Afiff di AU4 Lembah Keramat menerima sambutan ramai daripada penduduk setempat untuk mendapatkan daging sempena sambutan hari raya Aidiladha. Orang ramai turut mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan ketika membeli daging berikutan pandemik Covid-19. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI



KEDAI daging Suhaily Shukor mendapat sambutan menggalakkan PKP.

"Jika sebelum ini, ramai warga kota akan pulang ke kampung menyebabkan jualan daging kurang mendapat sambutan kerana mereka boleh mendapatkan bahan mentah itu di kampung masing-masing"

Mohd Afiff

diterima tahun ini kurang menggalakkan kerana PKP.

"Jika tahun sebelum ini, empat ekor daging lembu memang akan habis dijual namun tahun ini dua ekor pun masih kurang sambutan.

"Namun saya tetap bersyukur dan menganggap setiap jualan adalah rezeki buat saya

sekeluarga.

"Sambutan kurang berikutan sebelum ini Pasar Keramat ditutup sementara akibat langkitan Covid-19, mungkin juga menyebabkan orang ramai takut untuk datang," katanya.

Jamin lembu korban bebas penyakit LSD

Bagan Serai: Kerajaan negeri memberi jaminan lembu yang akan dijadikan korban sempena Hari Raya Aidiladha hari ini bebas penyakit kulit kental berbonjol (LSD).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Razman Zakaria berkata, setiap lembu yang akan dijadikan korban diperiksa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Menurutnya, setakat ini pihaknya tidak mengesan lembu yang dikhaskan untuk ibadah korban berisiko mengalami penyakit LSD.

"Orang ramai tidak perlu bimbang kerana JPV tidak sewenang-wenangnya membenarkan lembu yang dijangkiti penyakit itu dibawa masuk ke negeri ini untuk dijadikan korban.

"Hanya lembu yang melalui pemeriksaan dan mempunyai surat dari JPV dibenarkan manakala yang mempunyai simptom penyakit LSD akan diasingkan dan dikuarantin," katanya ditemui media selepas mengadakan

lawatan di Pasar Segar Terkawal (PST) di Dewan Surau Al Faizin, Taman Serai Permai di sini, semalam.

Katanya, baru-baru ini JPV Kedah menjangkakan kira-kira 17,000 lembu dan kerbau ternakan di negeri itu berisiko dijangkiti penyakit LSD namun di Perak tiada kes seperti itu dilaporkan.

Sementara itu, Razman menegaskan kewujudan PST yang dianjurkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) berjaya membantu nasib pengusaha produk pertanian memasarkan hasil tanaman sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disamping dapat mengatasi masalah lambakan.

Menurutnya di Perak terdapat 11 lokasi PST dan purata jualan hasil jualan keseluruhan setiap bulan adalah hampir RM 500,000.

"Melihat sambutan yang menggalakkan Fama bercadang untuk menambahkan lagi PST seperti ini namun kekurangan premis kekal," katanya.

"Hanya lembu yang mempunyai surat dari JPV dibenarkan"

Razman

Sementara itu, bagi pembeli di AU4, Iham Ahmad, 30, dia tetap menyambut Aidiladha dalam keadaan sederhana walaupun ketika ini PKP dilaksanakan.

"Memang sedih tidak dapat pulang ke kampung namun

kita perlu akur dengan arahan kerajaan dan juga melindungi ibu bapa di kampung.

"Doakan semoga pandemik ini berakhir dengan cepat dan kita akan berpeluang menyambut raya di kampung nanti," katanya.



PENJAJA daging Mohd Syafiq Nor Azman, 23, memeriksa lembu yang dibayar sebagai persembahan sambutan hari raya Aidiladha di Jalan Tanjung Rambutan, Ipoh, kelmarin.





20 JUL, 2021

Businesses can operate until 10PM in phase 2 of NRP

See Hua Daily News, Malaysia

Page 1 of 2

(吉隆坡19日讯)副首相兼国防部长拿督斯里依斯迈沙比里宣布,目前处于国家复苏计划第一阶段地区的民众,可在住家附近骑脚车和进行个人活动,惟必须保持2至3公尺的人身距离。

他今日发表文告说,这是基于我国的新冠疫苗接种计划取得正面进展后,政府同意针对复苏计划首次阶段的标准作业程序(SOP)做出一些调整。

他说,复苏计划第一阶段地区的公务员也可恢复到10%的执勤人员上班,惟须按照政府首席秘书的指示。

会计服务也被允许让60%规模的员工上班。

日间巴利(Pasar Harian)和公共巴利(Pasar Awam)的营业时间则从早上6时至下午4时,依据地方政府的规定,且

復甦首階段住宅區可騎腳車 次階段商店營業至10PM

須遵守SOP和志願警衛隊或地方政府的監督。

至於新鮮農貿管制市集(Pasar Segar Terkawal)的营业时间则可从早上7时至下午2时。港口、机场和物流领域可24小时运作。采矿和采石业也可让60%规模的人力工作,须遵守SOP。此行业是为了应付涉及关键领域如建造公路、郊区道路和联邦公路的需求。

此外,依斯迈沙比里也宣布,处于国家复苏计划第二阶段地区的商业建筑,包括加油站里的商店,营业时间可从早上6时至晚上10时。

拍摄电影的工作则可在户外进行,惟需要遵守严格的

SOP。

另一方面,警方昨天逮捕341名违反SOP的人士,其中192人接传票、20人延扣助查,29人获准保外。

针对工厂和商业建筑的监督与执法,他说,守规持工队昨天到1339家工厂和1万4945间商店、508个工地、190间员工宿舍检查。

「当中,有31间工厂、商店、工地被指示关闭,因为违反政府的指示和SOP。」

针对把关边境的堡垒行动,他说,昨天全国设下890个路障,并逮捕11名非法入境者,以及扣查7辆陆路交通工具。



20 JUL, 2021

Businesses can operate until 10PM in phase 2 of NRP

[See Hua Daily News, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

(吉隆坡19日讯) 副首相

兼国防部长拿督斯里依斯迈沙比里宣布，目前处于国家复苏计划第一阶段地区的民众，可在住家附近骑脚车和进行个人活动，f必须保持2至3公尺的人身距离。他今日发表文告说，这是基于我国的新冠疫苗接种计划取得正面进展后，政府同意针对复苏计划首阶段的标准作业程序 (SOP) 做出一些调整。他说，复苏计划第一阶段地区的公务员也可恢复到4C«的执勤人员上班，惟须按照政府首席秘书的指示。会计服

20 JUL, 2021

SOP negeri Fasa 1, 2 diubah

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Penularan COVID-19

SOP negeri Fasa 1, 2 diubah

Perkembangan
positif vaksinasi
bolehkan tempoh
perkhidmatan
dilanjutkanOleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan melakukan sedikit perubahan ke atas prosedur operasi standard (SOP) bagi negeri pada Fasa 1 dan 2 di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) susulan perkembangan positif kadar vaksinasi negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata bagi negeri di bawah Fasa 1 PPN, kerajaan membenarkan kehadiran di pejabat bagi sektor awam ditingkatkan kepada 40 peratus.

"Kebeheraan itu adalah tertakluk kepada arahan Ketua Setiausaha Negara (KSN).

"Perkhidmatan perakaunan juga dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Selain itu, operasi pasar harian dan pasar awam dilanjutkan daripada jam 6 pagi hingga 4 petang tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pematuan SOP dan pengawasan anggota R&LA atau PBT.

Waktu operasi pasar segar terkawal (PST) pula dilanjutkan dari jam 7 pagi hingga 2 petang.

Aktiviti berbasikal dan per-

mainan individu yang boleh mengamalkan penjarakan fizikal 2 hingga 3 meter dibenarkan di kawasan kejiranan sahaja.

Pelabuhan, lapangan terbang dan sektor logistik dibenarkan beroperasi 24 jam.

Dalam pada itu, pengoperasian lombong dan kuari dibenarkan dengan kapasiti pekerja hingga 60 peratus tertakluk SOP perlombongan dan pengkuarian.

"Ini bagi memenuhi keperluan projek kritikal yang membabitkan pembaikan dan pembinaan jalan raya, jalan luar bandar serta Persekutuan," katanya.

Ismail Sabri berkata, bagi negeri yang berada di Fasa 2 PPN, aktiviti penggambaran filem di luar studio dibenarkan dengan pematuan SOP ketat.

Waktu operasi premis perniagaan dibenarkan dari jam 6 pagi hingga 10 malam termasuk *specialty stores* iaitu stesen minyak.

Dalam kenyataan sama, Ismail Sabri mengumumkan, 27 lokaliti di Terengganu, Sabah dan Pahang akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula Rabu ini hingga 3 Ogos depan.

PKPD di Terengganu membabitkan 12 lokaliti, masing-masing dua di Mukim Bandi, Kemaman dan 10 kampung di Mukim Kuala Dungun, Dungun.

"PKPD di Mukim Bandi membabitkan Bandar Chenah Baru dan Felda Neram 2, manakala 10 lokaliti di Mukim Kuala Dungun ialah Kampung Sungai Buaya, Kampung Tanah Lot, Kampung Lembah, Kampung Padang Jambu dan Kampung Nibong.

"Turut dikenakan PKPD ialah



Kerajaan membenarkan kehadiran di pejabat bagi sektor awam ditingkatkan kepada 40 peratus bagi negeri Fasa 1 dan Fasa 2. (Foto hiasan)

Kampung Bukit Chatak Tengah, Kampung Molek, Kampung Bi-jaungga, Kampung Sungai Udang dan Kampung Sungai Penaga," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata, PKPD di Sabah pula membabitkan 10 lokaliti termasuk Kampung Marau dan Kampung Kebawang di Sipitang; Kampung Pituru Kinarut, Papar; Kampung Meruntum, Putatan dan dua lokaliti di Penampang iaitu Beverly Hills Fasa 2 dan Cybercity Fasa 2.

"PKPD turut dilaksanakan di empat lokaliti di Kota Kinabalu iaitu Jalan Kampung Likas Sim-

ping 3, Api-Api Centre Kota Kinabalu, Taman Ujana Kingfisher, Likas dan Kampung Salut, Telipok.

"PKPD di Pahang pula membabitkan tiga kampung di Mukim Ulu Dong, Raub iaitu Kampung Bedu, Kampung Temalian dan Kampung Pambah Kulat serta dua kampung di Mukim Ulu Jelai, Lipis iaitu Kampung Kabang dan Kampung Sat," katanya.

Kata beliau, SOP bagi semua PKPD adalah sama seperti diumumkan sebelum ini dan maklumat lanjut boleh diakses di sawang Majlis Keselamatan Negara (MKN) di www.mkn.gov.my.



20 JUL, 2021

SOP negeri Fasa 1, 2 diubah

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Penularan COVID-19

Perkembangan positif vaksinasi bolehkan tempoh perkhidmatan dilanjutkan

Kuala Lumpur: Kerajaan melakukan sedikit perubahan ke atas prosedur operasi standard (SOP) bagi negeri pada Fasa 1 dan 2 di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) susulan perkembangan positif kadar vaksinasi negara. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata bagi negeri di bawah Fasa 1 PPN, kerajaan membenarkan kehadiran di pejabat bagi sektor awam ditingkatkan kepada 40 peratus.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	SELANGOR KINI	ONLINE	-

LANJUT OPERASI PASAR PAGI, HARIAN ANTARA PERUBAHAN SOP PELAN PEMULIHAN - by Mustakim Ramli July 19, 2021 8:50 pm.



SHAH ALAM, 19 Julai: Kerajaan bersetuju melakukan beberapa perubahan tatacara operasi piawai (SOP) di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 dan Fasa 2 susulan perkembangan positif kadar pemberian vaksin negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerusi kenyataan berkata antara perubahan terbabit ialah:

Fasa 1

Bagi meningkatkan produktiviti, kehadiran di pejabat bagi sektor awam ditingkatkan kepada 40 peratus dan tertakluk kepada arahan ketua setiausaha negara (KSN).

Perkhidmatan perakaunan juga dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60 peratus.

Operasi pasar harian dan pasar awam dilanjutkan dari 6 pagi hingga 4 petang tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pematuhan SOP dan pengawasan, Manakala waktu operasi pasar segar terkawal (PST) akan dilanjutkan dari 7 pagi sehingga jam 2 petang.

Aktiviti berbasikal dan permainan individu yang boleh mengamalkan penjarakan fizikal 2-3 meter dibenarkan di kawasan kejiranan sahaja.

Pelabuhan, lapangan terbang, dan sektor logistik dibenarkan untuk beroperasi 24 jam.

Pengoperasian lombong dan kuari adalah dibenarkan dengan kapasiti pekerja sehingga 60 peratus tertakluk kepada SOP perlombongan dan pengkuarian. Ini bagi memenuhi keperluan kepada projek kritikal yang melibatkan pembaikan dan pembinaan jalan raya, jalan luar bandar serta persekutuan.

Fasa 2

Penggambaran filem di luar studio dibenarkan dengan pematuhan SOP ketat.

Waktu operasi premis perniagaan dari 6 pagi hingga 10 malam termasuk stesen minyak.

Setakat semalam, jumlah pemberian vaksin Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 14,347,285 dos merangkumi 9,815,735 dos pertama dan 4,531,550 dos kedua.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	-

POSITIF VAKSINASI: PERUBAHAN SOP DI BAWAH FASA SATU, DUA PPN



KUALA LUMPUR: Kerajaan melakukan sedikit perubahan ke atas prosedur operasi standard (SOP) di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi Fasa Satu dan Fasa Dua, merangkumi sektor perkhidmatan, logistik dan sosial, berikutan perkembangan positif kadar vaksinasi negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata untuk Fasa Satu PPN, kehadiran di pejabat bagi sektor awam ditingkatkan kepada 40 peratus dan tertakluk kepada arahan Ketua Setiausaha Negara (KSN), manakala perkhidmatan perakaunan dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60 peratus.

“Selain itu, pengoperasian lombong dan kuari adalah dibenarkan dengan kapasiti pekerja sehingga 60 peratus tertakluk kepada SOP perlombongan dan pengkuarian. Ini bagi memenuhi keperluan kepada projek-projek kritikal yang melibatkan pembaikan dan pembinaan jalan raya, jalan luar bandar serta persekutuan.

“Pelabuhan, lapangan terbang dan sektor logistik juga dibenarkan untuk beroperasi 24 jam,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan PPN hari ini.

Beliau berkata operasi pasar harian dan pasar awam pula dilanjutkan dari pukul 6 pagi hingga 4 petang tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA atau PBT, manakala waktu operasi bagi Pasar Segar Terkawal (PST) akan dilanjutkan dari 7 pagi sehingga 2 petang.

Ismail Sabri berkata turut dibenarkan dalam Fasa Satu PPN ialah aktiviti berbasikal dan permainan individu yang boleh mengamalkan penjarakan fizikal dua hingga tiga meter, tetapi hanya di kawasan kejiranan.

Beliau berkata aktiviti yang dibenarkan di bawah Fasa Dua PPN pula ialah penggambaran filem di luar studio dengan pematuhan SOP ketat, dan waktu operasi premis perniagaan termasuk ‘specialty stores’ seperti stesen minyak ditetapkan dari 6 pagi hingga 10 malam.

Mengenai sektor perkilangan dan premis perniagaan, Ismail Sabri berkata daripada 17,182 premis merangkumi kilang, premis perniagaan, tapak pembinaan dan asrama penempatan pekerja yang diperiksa semalam, sebanyak 31 premis diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.

Merujuk kepada operasi pasukan petugas operasi pematuhan, beliau berkata 541 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP semalam dengan 492 individu dikompaun manakala 20 lagi direman dan 29 dijamin.

“Orang ramai diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dan mengamalkan kawalan sendiri dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan Covid-19,” katanya. – **BERNAMA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.07.2021	GETARAN.MY	ONLINE	-

TPM UMUM PERUBAHAN SOP DI BAWAH FASA 1, 2 PPN



KUALA LUMPUR - Kerajaan melakukan sedikit perubahan ke atas prosedur operasi standard (SOP) di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi Fasa Satu dan Fasa Dua, merangkumi sektor perkhidmatan, logistik dan sosial, berikutan perkembangan positif kadar vaksinasi negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata untuk Fasa Satu PPN, kehadiran di pejabat bagi sektor awam

ditingkatkan kepada 40 peratus dan tertakluk kepada arahan Ketua Setiausaha Negara (KSN), manakala perkhidmatan perakaunan dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60 peratus.

"Selain itu, pengoperasian lombong dan kuari adalah dibenarkan dengan kapasiti pekerja sehingga 60 peratus tertakluk kepada SOP perlombongan dan pengkuarian. Ini bagi memenuhi keperluan kepada projek-projek kritikal yang melibatkan pembaikan dan pembinaan jalan raya, jalan luar bandar serta persekutuan."Pelabuhan, lapangan terbang dan sektor logistik juga dibenarkan untuk beroperasi 24 jam," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan PPN hari ini.

Beliau berkata operasi pasar harian dan pasar awam pula dilanjutkan dari pukul 6 pagi hingga 4 petang tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA atau PBT, manakala waktu operasi bagi Pasar Segar Terkawal (PST) akan dilanjutkan dari 7 pagi sehingga 2 petang.Sementara itu, mengenai cadangan menaikkan kompaun kepada kilang yang melanggar SOP, Ismail Sabri berkata kadar itu tertakluk kepada pindaan Ordinan Darurat.

Beliau berkata di bawah Ordinan Darurat, kerajaan sebelum ini telah menaikkan kompaun RM1,000 di bawah Akta 342 kepada RM50,000. "Darurat akan tamat pada 1 Ogos ini dan kita (kompaun) akan kembali kepada RM1,000," katanya.

Terdahulu, Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan melancarkan program 'Mindef Prihatin' bagi membantu meringankan beban anggota dan veteran tentera yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19.

Beliau berkata sumbangan daripada anak syarikat Kementerian Pertahanan, Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (Pernama) dan sektor perbankan akan diagihkan dalam bentuk makanan asas serta ditempatkan di masjid untuk kegunaan mereka yang terjejas.

"Program ini kita luaskan bukan sahaja kepada anggota tetapi juga veteran dan orang ramai yang menghadapi kesusahan. Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia untuk membantu rakyat bukan perkara baharu kerana sebelum ini ada program jiwa murni dan kita sentiasa prihatin dengan kesusahan rakyat," katanya. - **Bernama**